SOALAN NO: 115

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**BUKAN LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**
RUJUKAN	:	**BL1 [PR-1343-T76514]**
SOALAN	:	

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status kejayaan projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, Projek *EPP5: River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek *RoL* adalah untuk mencapai tahap kualiti air sungai Kelas IIB menjelang Tahun 2020.

Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* telah mencatat kemajuan sebanyak 62.2% berbanding perancangan 63.5% dan dijangka siap sepenuhnya secara berperingkat sehingga Tahun 2020.

Bagi komponen Pembersihan Sungai, status terkini pelaksanaan projek adalah 65% berbanding jadual 64% manakala bagi komponen Pengindahan Sungai pula, status terkini pelaksanaan adalah 14.6% berbanding jadual 17.8%.

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan mengadakan pemantauan secara berkala dan menetapkan *key performance indicator* (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.